

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 30 MAC 2015

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tempoh atau jangkamasa yang perlu diambil oleh Kementerian untuk proses pengiktirafan sesuatu penubuhan kesatuan.

PR-1331-L66899

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Proses tuntutan pengiktirafan dikendalikan di bawah Seksyen 9 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967). Kesatuan Sekerja Pekerja-Pekerja akan mengemukakan tuntutan pengiktirafan ke atas majikan bagi mewakili pekerja-pekerja di dalam syarikat majikan. Tujuan pengiktirafan ini bagi membolehkan kesatuan sekerja mengadakan rundingan bersama dan seterusnya menandatangani perjanjian bersama.

2. Merujuk kepada seksyen 9(3) APP 1967, majikan boleh memberikan pengiktirafan secara sukarela kepada kesatuan sekerja dalam tempoh 21 hari.

3. Sekiranya majikan enggan mengiktiraf kesatuan, seksyen 9(4) APP 1967 memperuntukkan bahawa pihak kesatuan boleh membuat aduan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dalam tempoh 14 hari selepas tamat tempoh 21 hari tersebut.

4. Setelah aduan diterima, Jabatan akan memproses tuntutan pengiktirafan tersebut dengan menentukan kelayakan kesatuan dan majoriti keahlian kesatuan berkenaan. Majoriti keahlian kesatuan akan ditentukan melalui proses undi sulit. Pihak majikan perlu mengemukakan terlebih dahulu senarai nama pekerja syarikat yang layak menjadi ahli kesatuan kepada JPPM bagi tujuan menjalankan undi sulit. Setelah proses tersebut diselesaikan, Menteri Sumber Manusia akan membuat keputusan. Tempoh masa penyelesaian tuntutan pengiktirafan adalah selama 6 hingga 9 bulan. Berdasarkan statistik jabatan, sebanyak 82 kes (69.49%) dapat diselesaikan dalam tempoh 9 bulan.

5. Walaubagaimanapun kelewatan diluar kawalan mungkin berlaku sekiranya salah satu pihak yang terlibat mengambil apa-apa tindakan perundangan semasa proses tuntutan pengiktirafan berjalan.